

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN
[RANAU]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 156

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah segera yang dibuat untuk memperbaiki dan menangani masalah sekolah-sekolah daif di Sabah yang dianggarkan lebih dari 700 ratus buah sekolah dan sekolah yang tidak selamat untuk diduduki seperti di SMK Kaingaran, Ranau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar khususnya di sekolah-sekolah dan asrama yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan serta naik taraf kemudahan. Justeru, KPM dari semasa ke semasa mengenal pasti sekolah atau bangunan sekolah yang perlu diselenggara dan dibaiki bagi memastikan sekolah mempunyai kemudahan pendidikan yang sempurna. Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi menangani isu sekolah daif di Sabah adalah seperti berikut:

1. Melakukan penyelenggaraan segera bagi sekolah yang mempunyai keperluan kritikal untuk pembaikan.
2. Menaik taraf kemudahan infrastruktur dan menggantikan bangunan sekolah daif yang disahkan tidak selamat oleh pihak teknikal dengan bangunan baharu.

Sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembanguanan semula sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM552.152 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk tahun 2018 sahaja, sebanyak 120 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM429.741 juta. Sehingga 24 Jun 2019 sebanyak 75 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 45 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembanguanan semula tiga (3) buah sekolah daif di Sabah iaitu:

- 1) Sekolah Kebangsaan Sungai-Sungai
- 2) Sekolah Kebangsaan Nibang, Pitas
- 3) Sekolah Kebangsaan Tiong Wido, Tambunan

NO. SOALAN: 156

Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak JKR secara tender terbuka dan pelaksanaan akan dilaksanakan setelah selesai proses perolehan.

Berdasarkan carian maklumat daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Ranau, SMK Kaingaran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk pada SMK Ulu Sugut Melinsau yang berada di Kampung Kaingaran, Ranau. Sekolah ini sememangnya berada dalam senarai sekolah daif dan menjadi keutamaan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah dan PPD Ranau untuk diberikan projek gantian penuh bangunan. Walau bagaimanapun, setelah semakan dilakukan, didapati bahawa status tapak bangunan sekolah tersebut masih berstatus tanah kerajaan negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat utama untuk mendapat kelulusan projek gantian penuh bangunan adalah tapak bangunan sekolah perlulah berstatus Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Pada masa ini, JPN Sabah sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan pemutihan bagi semua tapak bangunan sektor pendidikan yang masih belum mendapat status PTP.

Selain daripada itu, KPM telahpun menyalurkan peruntukan untuk penyelenggaraan/pembaikan sekolah ke Negeri Sabah secara berperingkat berdasarkan skala kerosakan dalam Skor Gred Impak yang disyorkan oleh Jabatan/ Bahagian/ Institusi/ Jabatan Kerja Raya bagi membolehkan kerosakan-kerosakan kritikal pada bangunan dan infrastruktur ditangani. Peruntukan yang telah disalurkan untuk penyelenggaraan/pembaikan sekolah-sekolah di Negeri Sabah adalah sebanyak **RM19,519,603.36** sehingga Mei 2019. Pada masa yang sama, Kementerian juga telah mengemukakan senarai penyelenggaraan/pembaikan bagi 61 buah sekolah di Negeri Sabah untuk pertimbangan pelaksanaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2019 yang melibatkan kos penyelenggaraan sebanyak 29.6 juta.

Sekian, terima kasih.

RJM 41